

26 APR 2002

YANG DI-PERTUAN AGONG HADIRI MAJLIS SANTAPAN DIRAJA

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berangkat menghadiri majlis santapan diraja di Istana Negara di sini, malam ini.

Ia diadakan sempena pertabalan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam istiadat gilang gemilang penuh tradisi semalam.

Majlis santapan itu antara lain dihadiri oleh Raja-raja Melayu dan Sultan Hassanah Bolkiah dari Brunei. Johor diwakili oleh Tengku Mahkota manakala Perlis oleh Pemangku Raja Perlis.

Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri kabinet, duta-duta asing dan pegawai kanan kerajaan.

Tuanku Syed Sirajuddin, 58, dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong berikutan kemangkatan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 Nov tahun lepas.

Pagi tadi, Seri Paduka berdua meraikan lebih 1,000 kanak-kanak dari 50 sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor pada majlis jamuan teh di sebuah hotel di Seri Kembangan.

-- BERNAMA

WNZ MAM NAK